

SOALAN NO. 28**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan kebanyakan soalan perbahasan Parlimen menerima jawapan balasan yang tidak logik, termasuk mengelak memberi jawapan kepada soalan yang begitu jelas ditanya, apakah tindakan yang akan diambil untuk menjamin Menteri-menteri Kabinet menjawabkan soalan-soalan Parlimen secara telus dan jujur.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa mekanisme di Dewan Rakyat seperti pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan dan jawab bertulis, Waktu Pertanyaan Menteri (MQT), perbahasan rang undang-undang dan usul serta ucapan dalam Kamar Khas. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab Menteri-Menteri untuk memberi jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan serta mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.